

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (TENGAH)

TARIKH: 26 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 06

HARIAN METRO

Sukar kesan maahad tahfiz tak berdaftar

Cameron Highlands: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berdepan kesukaran mengesahkan maahad tafsir tidak berdaftar di seluruh negara bagi memastikan keselamatan pusat tafsir itu mencapai piawaian ditetapkan.

Ketua Pengira JBPM, Dattuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, berikutan tiada maklumat lengkap berhubung maahad tafsir yang tidak berdaftar, semua pihak terutama Jabatan Agama Islam diminta menyalur maklumat berhubung perkara itu kepada JBPM.

Katanya, maklumat itu penting bagi memastikan insiden kebakaran Pusat Tafsir Darul Quran Ittifaqiyah di Kampung Keramat, Kuala Lumpur yang meragut 23 nyawa tidak berulang.

"Kalau berdaftar tiada masalah sangat sebab sebelum mendaftar, mereka datang kepada kita dan salah satu syarat untuk pendaftaran ia mestilah dapat kelulusan bomba.

"Bagi yang tidak berdaftar, kita terpaksa cari dan mungkin kita minta orang ramai yang mengetahui ada pusat tafsir di kawasan mereka supaya memaklumkan kepada kita untuk kita lakukan pemeriksaan."

Beliau berkata, demikian ketika ditemui selepas perasmian Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ringlet, di sini, semalam yang dirasmikan Pengurus Jawataankuasa Perumahan dan Perbandaran Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

“
Bagi yang tidak berdaftar, kita terpaksa cari dan mungkin kita minta orang ramai yang mengetahui ada pusat tafsir di kawasan mereka supaya memaklumkan kepada kita untuk kita lakukan pemeriksaan”

Wan Mohd Nor